




Tadabbur Dengan Soalan Halaman 16 QS 2:102-105

Mohd Harfiz Bin Hamzah

Apa mesej Allah dalam ayat ini? 2:102

وَاتَّبِعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيْطَانُ عَلَىٰ مُلْكٍ سُلَيْمَنَ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَنُ وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ
كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ وَمَا أُنْزِلَ عَلَى الْمَلَكَيْنِ بِبَابِلَ هَارُوتَ وَمَارُوتَ وَمَا
يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ
بَيْنَ الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ
وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا بِهِ
أَنْفُسَهُمْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾

Apa mesej Allah dalam ayat ini? 2:102

2:102. Dan mereka mengikuti apa yang dibaca oleh syaitan-syaitan pada masa kerajaan Sulaiman (dan mereka mengatakan bahwa Sulaiman itu mengerjakan sihir), padahal Sulaiman tidak kafir (tidak mengerjakan sihir), hanya setan-setan itulah yang kafir (mengerjakan sihir). Mereka mengajarkan sihir kepada manusia dan apa yang diturunkan kepada dua orang malaikat di negeri Babil yaitu Harut dan Marut, sedang keduanya tidak mengajarkan (sesuatu) kepada seorang pun sebelum mengatakan: "Sesungguhnya kami hanya cobaan (bagimu), sebab itu janganlah kamu kafir". Maka mereka mempelajari dari kedua malaikat itu apa yang dengan sihir itu, mereka dapat menceraikan antara seorang (suami) dengan istrinya. Dan mereka itu (ahli sihir) tidak memberi mudarat dengan sihirnya kepada seorang pun kecuali dengan izin Allah. Dan mereka mempelajari sesuatu yang memberi mudarat kepadanya dan tidak memberi manfaat. Demi, sesungguhnya mereka telah meyakini bahwa barang siapa yang menukarnya (kitab Allah) dengan sihir itu, tiadalah baginya keuntungan di akhirat dan amat jahatlah perbuatan mereka menjual dirinya dengan sihir, kalau mereka mengetahui.

Jawapan: Sihir itu adalah dengan dua cara; iaitu sama ada melalui cara lisan seperti jampi serapah yang mengandungi lafaz-lafaz syirik, pemujaan syaitan dan menggunakan bantuannya atau melalui perbuatan seperti menyembah bintang, terlibat dengan perbuatan jenayah atau lain-lain amalan fasik (Al-Alusi: 1/338).

Amal: Jauhilah sejauh-jauhnya amalan yang terkait dengan amalan sihir kerana ia boleh menghantar seseorang ke lembah kebinasaan iaitu syirik dan kufur.

Soalan: Sihir itu tidaklah dipelajari melainkan dengan kesyirikan dan kekufuran. Terangkan kenyataan ini berdasarkan ayat di atas.

Jawapan: Sepertimana malaikat yang hanya membantu manusia yang berperilaku baik seperti mereka untuk tetap teguh dalam beribadah dan mendekatkan diri kepada Allah dengan lisan dan perbuatan, syaitan juga hanya membantu manusia yang berperilaku buruk seperti mereka dalam melakukan perbuatan yang keji dan terkutuk sama ada dengan lisan, perbuatan atau keyakinan yang terkandung di dalam hati. Ini membezakan tukang sihir daripada para nabi dan wali (Al-Alusi: 1/338)

Amal: Senaraikan 3 perilaku buruk yang masih ada pada diri kita, kemudian mintalah perlindungan sungguh-sungguh dari Allah terhadap bantuan syaitan ke arah keburukan.

Soalan: Apakah hubungan para malaikat dan syaitan-syaitan dengan manusia?

Jawapan: Ayat ini dan ayat-ayat yang seumpama dengannya memberitahu bahawa walau bagaimana kuat pun sebab-sebab untuk terjadinya sesuatu perkara, ia tetap terikat dengan qadha dan qadar Allah, dan bukannya semata-mata sebab-sebab itu sahaja yang memberi kesan terhadap terjadinya sesuatu perkara (As-Sa'adi: 61) .

Amal: Cari mana-mana guru yang dapat menguatkan akidah dan pergantungan hanya kepada Allah semata-mata.

Soalan: Apakah pandangan yang betul yang harus dipegang oleh seorang muslim berkaitan sebab-sebab terjadinya sesuatu perkara?

Jawapan: Mereka mempelajari sihir yang membawa keburukan kepada agama mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka pada hari Akhirat (At-Tabari: 2/450).

Amal: Sebutkan 1 ilmu yang kita ada dan ianya dapat mendatangkan manfaat untuk ramai manusia di dunia dan mendatangkan ganjaran besar di akhirat kelak, lalu sampaikanlah ia.

Soalan: Apakah maksud manfaat yang dinafikan di dalam ayat di atas?

Jawapan: Sihir itu tidaklah akan memberi manfaat di hari Akhirat dan tidaklah ia mendekatkan pengamalnya kepada Allah. Mereka yang mengamalkannya tidak akan mendapat bahagian yang baik di akhirat. Sihir itu terbina dengan syirik, penipuan, kezaliman dan ia dilakukan untuk membuat kezaliman dan kerosakan (Ibn Taimiyyah: 2/287).

Amal: Keghairahan untuk mengatasi orang lain terutama disebabkan sikap dengki selalu menyebabkan seseorang terjerumus ke dalam ilmu yang tidak bermanfaat untuk diamalkan. Ya Allah, lindungi kami dari penyakit dengki dan kemahuan segera atas nikmat dunia.

Soalan: Mengapakah sihir tidak memberi manfaat dan tidak mendekatkan pengamalnya kepada Allah?

Apa mesej Allah dalam ayat ini? 2:103

وَلَوْ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَمَثُوبَةٌ مِّنْ عِندِ اللَّهِ خَيْرٌ لَّوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٣﴾

2:103. Sesungguhnya kalau mereka beriman dan bertakwa, (niscaya mereka akan mendapat pahala), dan sesungguhnya pahala dari sisi Allah adalah lebih baik, kalau mereka mengetahui.

Jawapan: Disebutkan dalam ayat ini 'pahala dari sisi Allah' dan bukannya 'pahala Allah' walaupun sebutan 'pahala Allah' adalah lebih pendek, untuk menzahirkan jumlah yang sedikit. Ini adalah untuk memberitahu bahawa pahala yang sedikit daripada Allah di hari Akhirat yang kekal, adalah lebih baik daripada ganjaran yang banyak di dunia yang sementara ini. Jika begitu halnya, maka sudah tentulah pahala daripada Allah yang banyak dan berterusan jauh lebih baik (Al-Alusi: 1/347).

Amal: Berusahalah membina iman dan taqwa dalam diri, keluarga dan masyarakat. Sekalipun ia bukan kerja glamour, namun ketahuilah ganjaran di sisi Allah itu lebih utama.

Soalan: Mengapakah perkataan 'pahala' di dalam ayat ini disebut secara umum dan bukannya secara khusus dengan menggabungkannya dengan lafzul jalalah 'Allah'?

Apa mesej Allah dalam ayat ini? 2:104

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقُولُوا رَاعِنَا وَقُولُوا آنْظُرْنَا وَاسْمَعُوا
وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٠٤﴾

2:104. Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu katakan (kepada Muhammad): "Raa`ina", tetapi katakanlah: "Unzhurna", dan "dengarlah". Dan bagi orang-orang kafir siksaan yang pedih.

Jawapan: Sewaktu Rasulullah s.a.w mengajarkan kepada orang-orang Muslim perkara berkaitan agama, mereka mengatakan kepada Rasulullah s.a.w “ راعنا ” yang bermaksud ‘titikberatkanlah keadaan kami’ dengan memaksudkan dengannya makna yang benar. Namun begitu, orang-orang Yahudi memaksudkan daripada perkataan ini makna yang tidak baik dan mula memanggil Rasulullah s..w dengan perkataan ini sambil menginginkan daripadanya maksud yang buruk. Oleh itu, Allah melarang para mukmin untuk menggunakan perkataan ini sebagai langkah berjaga-jaga. Ini merupakan larangan melakukan perkara yang harus sekiranya ia merupakan jalan kepada perkara yang haram (As-Sa’adi: 61).

Amal: Berhati-hatilah terhadap perkataan yang mengandungi ‘double meaning’. Berusahalah memahami komunikasi yang diajarkan oleh Nabi saw.

Soalan: Nyatakan salah satu adab Islami dalam memanggil orang lain berdasarkan ayat ini.

Apa mesej Allah dalam ayat ini? 2:105

مَا يَوَدُّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَلَا الْمُشْرِكِينَ أَنْ يُنَزَّلَ عَلَيْكُمْ مِنْ خَيْرٍ مِنْ رَبِّكُمْ وَاللَّهُ يَخْتَصُّ بِرَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿١٠٥﴾

2:105. Orang-orang kafir dari Ahli Kitab dan orang-orang musyrik tiada menginginkan diturunkannya sesuatu kebaikan kepadamu dari Tuhanmu. Dan Allah menentukan siapa yang dikehendaki-Nya (untuk diberi) rahmat-Nya (kenabian); dan Allah mempunyai karunia yang besar.

Jawapan: Ada perbezaan antara pemberian sesuatu sebagai kebaikan, dengan rasa senang atau cinta. Boleh jadi, ada orang yang menggerutu kepada seseorang, tidak senang kepadanya, tetapi memberinya sesuatu yang dianggap oleh penerimanya sebagai kebaikan, tetapi pemberian tersebut bukan didorong oleh rasa senang dari si pemberi. Bahkan boleh saja pemberiannya itu dimaksudkan untuk menjauhkan yang diberi itu dari pandangan matanya. (Al-Misbah: 1/277)

Amal: Perhatikan setiap kelebihan yang Allah berikan, apakah ia menjadikan kita semakin dekat denganNya atau sebaliknya. Ya Allah, kurniakan kami kelebihan-kelebihan yang mendekatkan kami kepadaMu.

Soalan: Apakah perbezaan pemberian atas dasar 'rasa senang' atau cinta?